

15 AUG 1999

Rafidah-China

MALAYSIA ANJUR MISI PERDAGANGAN KE CHINA

KAJANG, 15 Ogos (Bernama) -- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting akan mengetuai misi perdagangan Malaysia ke China bagi mempertingkatkan hubungan dua hala sedia ada.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Rafidah Aziz berkata lawatan tersebut dianjurkan sempena ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik Beijing-Kuala Lumpur.

Rafidah akan turut menyampaikan ucapan pada Forum Malaysia-China ketiga di Beijing ketika lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari 18 hingga 20 Ogos ini sempena ulang tahun tersebut.

"Kita mempunyai banyak potensi meningkatkan hubungan perdagangan terus dan pelaburan. Diharap lawatan itu dapat memperkukuhkan asas hubungan dua hala itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga MITI di Country Height Resort di sini.

Malaysia merupakan negara Asean pertama menjalin hubungan diplomatik dengan China, berikutan lawatan bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak ke Beijing pada 31 Mei 1974. China merupakan antara sepuluh pasaran eksport terbesar Malaysia.

Rafidah berkata Malaysia sudah banyak melabur di China dan dalam hal ini republik itu yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai industri seperti kejuruteraan dan pembuatan komponen mempunyai minat melabur dalam bidang industri besar berasaskan modal.

Katanya dalam konteks ini China akan melabur dalam satu projek usahasama pengeluaran pulpa dan kertas di Tawau, Sabah dan akan membeli balik pengeluarannya memandangkan pasarannya yang besar berikutan penduduknya lebih 1.2 bilion orang.

Rafidah berkata Malaysia dan China mempunyai satu Suruhanjaya Bersama yang diketuai bersama oleh beliau dan rakan sejawatannya dari republik itu yang merupakan saluran bagi mengatasi apa jua masalah yang wujud dalam konteks hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala.

"Setakat ini kita telah dapat mengenal pasti masalah dan bagaimana kita boleh ubah suai dasar untuk lebih meningkatkan hubungan dua hala ini.

"China bukan satu negara homogeneous kerana mempunyai banyak kerajaan wilayah dan berertilah tiap-tiap mereka harus diberi tumpuan tersendiri oleh masyarakat perdagangan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

RV RI